

# Asyraaf yakin wanita UMS menyerlah

Sport

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Ketua jurulatih pasukan futsal wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) FC, Mohd Asyraaf Fong percaya skuad bimbingannya mampu tampil dengan lebih menyerlah pada perlawanan berikutnya dalam saingan Kumpulan B Liga Futsal Kebangsaan Felda/FAM 2010.

"Menang dua perlawanan pertama merupakan motivasi yang baik buat pasukan. Saya harap ia membakar semangat pemain untuk berusaha lebih gigih membaiki prestasi bagi memburu sasaran muncul sebagai dua pasukan terbaik pada saingan peringkat kumpulan dan seterusnya mara ke pusingan akhir."

"Saya gembira dengan apa yang saya lihat (prestasi) setakat ini. Kami menang kerana pemain dapat laksanakan taktik seperti yang dirancang di samping kesungguhan tinggi mereka mahu menang. Saya bangga dengan keadaan itu," katanya ketika dihubungi di sini kelmarin.

Beliau bagaimanapun memberitahu bahawa di sebalik permulaan yang baik berkenaan, ia juga memberi banyak pengajaran.

"Kami tidak hanya balik dengan mata maksima dari dua perlawanan itu tetapi juga kerja rumah yang banyak. Kami masih perlu perhaluskan gerakan dan 'set piece'. Pertahanan juga perlu dimantapkan."

"Bagaimanapun perlawanan berikutnya hanya pada September. Masih ada masa untuk membaiki kelemahan yang ada dan saya percaya kami akan tampil dengan lebih baik pada perlawanan akan datang," kata Asyraaf.

UMS FC memulakan cabaran dengan kemenangan 3-2 ke atas Johor Melodi Jaya



PASTI MENYERLAH ... Pasukan Wanita UMS FC

## Liga Futsal Kebangsaan Felda/FAM 2010

### Kedudukan

#### Kumpulan B wanita

	P	M	S	K	J	B	PG	M
Selangor MPSJ FC	2	2	0	0	5	1	4	6
UMS FC	2	2	0	0	5	3	2	6
PDRM	2	1	1	0	7	3	4	4
Sabah	2	1	0	1	5	4	1	3
Selangor MBPJ FC	2	0	2	0	2	2	0	2
KL Putra Ria FC	2	0	1	1	1	3	-2	1
Johor Melodi Jaya	2	0	0	2	2	5	-3	0
Johor	2	0	0	2	3	9	-6	0

#### Kumpulan A lelaki

	P	M	S	K	J	+B	PG	M
Kelantan	2	1	1	0	6	4	2	4
KL Felda United	2	1	1	0	5	3	2	4
Pulau Pinang	2	1	1	0	5	3	2	4
Selangor PKNS FC	2	1	1	0	5	4	1	4
KL Figos RSA FC	2	1	0	1	5	3	2	3
Selangor	2	1	0	1	5	7	-2	3
Btg Padang/Beemer	2	0	0	2	4	7	-3	0
Sabah	2	0	0	2	2	5	-3	0

pada 17 Julai dan seterusnya mengalahkan pasukan Sabah 2-1 pada keesokannya.

Perlawanan itu berlangsung di Kompleks Sukan Triways, Shah Alam.

Dua kemenangan itu meletakkan UMS FC di kedudukan kedua di kalangan lapan pasukan dan hanya dipisahkan oleh perbezaan jaringan dengan pendahulu pasukan Selangor MPSJ FC yang juga menang kedua-dua perlawanan pertamanya.

MPSJ FC menang 3-1 ke atas KL Putra Ria dan mengalahkan Johor Melodi Jaya 2-0.

Tiga mata dari kemenangan 4-2

ke atas Johor pula meletakkan pasukan wanita Sabah ditangga keempat iaitu satu mata di belakang penghuni tangga ketiga, Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

PDRM yang juga penyandang gelaran naib juara musim lalu diikat dengan keputusan seri 2-2 oleh pasukan Selangor MBPJ tetapi menang 5-1 ke atas Johor.

Sambil itu, pasukan lelaki Sabah mengalami nasib berbeza apabila tumpas kedua-dua perlawanan pertamanya, kalah 1-2 kepada Selangor PKNS dan dikecewakan 1-3 oleh pasukan Pulau Pinang. Keputusan itu menyaksikan pasukan lelaki Sabah di kedudukan tercorot kumpulan A.

Jadual perlawanan berikutnya pasukan-pasukan dari Sabah tersebut adalah pada 25 dan 26 September juga di Shah Alam, 16 dan 17 Oktober di Melaka serta 13 November di Shah Alam.

Pada 25 September, UMS FC akan bertemu Johor, wanita Sabah menentang Selangor MPSJ FC manakala pasukan lelaki Sabah berhadapan dengan KL Felda United.

Pada 26 September, UMS FC mencabar PDRM, wanita Sabah menghadapi MBPJ FC manakala pasukan lelaki Sabah berdepan dengan KL Figos RSA FC.

Ketiga-tiga pasukan Sabah itu mensasarkan tempat ke pusingan akhir yang diperuntukkan kepada empat pasukan teratas dari setiap kumpulan.